

13/08/2001

Yemen jadi koridor strategik pelaburan

Kamal Ahmad

YEMEN adalah koridor perdagangan strategik di Timur Tengah sejak 3,000 tahun lalu yang membekalkan bahan eksotik, seperti setanggi, kemenyan, rempah, perencah dan pelbagai bahan mewah lain ke serata dunia.

Hari ini, Malaysia juga wajar melihat Yemen sebagai satu pasaran strategik. Dalam konsep perkongsian bestari dipertaruhkan, ia mampu memanfaatkan kedua-dua negara, walaupun statistik menunjukkan dagangan lebih memihak kepada Malaysia.

Malah, kesediaan Yemen membuka pintu Pelabuhan Eden adalah peluang jangka panjang kepada pelabur Malaysia.

Di situ, terbuka luas pintu ke pasaran Afrika Timur - Somalia, Eritrea dan Habsyah - yang menghadap Laut Merah selain Tanzania dan Madagascar dengan jumlah penduduk keseluruhan lebih 150 juta orang.

Mungkin pasaran di Kenya dan Mozambique juga boleh diterokai melalui Eden. Tidak mustahil juga bagi pedagang Malaysia memasuki pasaran ke negara Arab dan Teluk seperti Oman, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Qatar.

Justeru, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yemen selama empat hari bermula Rabu ini, bakal merintis jalan dan melakar persefahaman bagi satu pakej hubungan serta kerjasama kedua-dua negara dalam kebudayaan, ekonomi dan perdagangan serta pendidikan.

Sempena lawatan itu, kedua-dua pihak akan menandatangani dua perjanjian berkaitan suruhanjaya bersama dan perjanjian berasingan berhubung kerjasama pentadbiran awam.

Malah, bagi memperkukuhkan hubungan dan menikmati makna perhubungan itu, ahli perniagaan kedua-dua negara wajar menubuhkan majlis perniagaan untuk menyalurkan maklumat mengenai potensi pasaran masing-masing.

Selain ekonomi dan perdagangan, Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Yemen, Abdul Kader Abdul Rahman Bajamal, dijangka membincangkan lebih lanjut pembentukan usahasama dan mekanisme yang Yemen boleh belajar daripada pengalaman Malaysia dalam pembangunan sebuah negara Islam.

"Saya yakin Dr Mahathir akan bercakap kepada Ahli Parlimen Yemen dan Syurah untuk mendedahkan mereka kepada kejayaan Malaysia serta pencapaian beliau selama 20 tahun menjadi Perdana Menteri," kata Menteri Luar Yemen, Dr Abubakr Al-Qirbi, ketika lawatan beliau selama tiga hari ke Kuala Lumpur 1 Ogos lalu.

Dr Abubakr turut menekankan kesungguhan dan komitmen Yemen untuk berkongsi masa depan bersama Malaysia.

"Saya fikir sekarang kerjasama ekonomi dan perdagangan adalah kunci masa depan dalam hubungan kerjasama ini," katanya.

Yemen, sebuah negara di selatan Semenanjung Arab, memiliki sumber galian yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya seperti tembaga, minyak, zink, emas, perak, sulfur dan nikel.

Jika besi pula dilombong untuk dibuat pedang dan pisau, pelabur Malaysia boleh memprosesnya menjadi lebih daripada itu.

Industri Yemen masih pada tahap ringan, iaitu perusahaan membuat simen, cat, besi waja dan produk kapas.

Dengan melihat potensi itu, syarikat gergasi Malaysia dari pendokong sektor pembinaan, telekomunikasi, automobil, perbankan konvensional dan Islam serta pendidikan wajar meninjau Yemen, sama ada untuk membuat pelaburan di sana dan sekitarnya atau membawa masuk potensi atau produk itu ke Malaysia.

Bidang yang berpotensi diceburi ialah eksport minyak sawit, bahan

makanan halal, barang elektrik dan telekomunikasi serta pelancongan.

Malah, pelabur atau peniaga Malaysia boleh memperincikan potensi produk yang boleh dieksport ke Yemen berdasarkan maklumat bahawa import negara itu ialah barang pengguna, mesin, bahan kimia, besi dan keluli.

Dr Abubakr berkata, Dr Mahathir dan rombongan juga akan dibawa meninjau Zon Perdagangan Bebas serta fungsi Eden sebagai pelabuhan serta laluan bagi kapal dari Asia Tenggara dan Eropah.

"Justeru, Malaysia boleh melihat potensi Eden untuk meneroka Sudan, Erithia, Habsyah, Somalia dan Tanzania selain Madagascar," katanya.

Katanya, nilai pertukaran dagangan antara kedua-dua negara ketika ini ialah di antara RM70 juta hingga RM200 juta setahun dan beliau melihat ada potensi sangat besar untuk dipertingkatkan sebab Malaysia ketika ini mengeksport lebih 200 barang dalam pelbagai sektor.

Yemen pula mengeksport sedikit minyak dan imbalan dagangan adalah memihak kepada Malaysia.

Ditanya mengenai matlamat lawatannya ke Kuala Lumpur dan hasil yang diharapkan melalui lawatan Dr Mahathir ke Yemen, Dr Abubakr berkata, kerajaannya berhasrat menimba sebanyak mungkin pengalaman Malaysia membangunkan ekonomi dan memakmurkan penduduknya.

"Kita tahu Malaysia mengungguli dalam pembangunan. Malah, sebaliknya, kita yang hendak belajar daripada pengalaman Malaysia. Dalam industri, daya saing Yemen jauh lebih rendah berbanding negara luar, khususnya apabila kita kini dalam persediaan untuk menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Ini adalah bidang yang kita akan meminta bantuan Malaysia dan negara Arab serta negara Islam lain yang berupaya mempengaruhi WTO yang kesannya dirasai semua negara," katanya.

Kekaguman Yemen terhadap Malaysia begitu ketara sehingga mahu mengambil negara ini sebagai model pembangunannya.

"Kita melihat Malaysia sebagai model kita. Oleh itu, penyusunan dan pembangunan semua ekonomi dalam menangani krisis ekonomi yang anda dan Dr Mahathir berjaya lalui pada 1997 dan 1998; dan bagaimana kita harus berurusan dengan WTO yang Malaysia berjaya menanganinya dan walaupun ada perkara tertentu yang berbeza (antara Malaysia dan Yemen), tetapi ada perkara yang boleh kita ambil untuk memperkayakan pengalaman dan memperkukuhkan kedudukan kita.

"Saya yakin pengalaman Malaysia adalah sesuatu yang kita boleh pelajari untuk berhadapan dengan isu ini. Sebab pembangunan (di Malaysia) sehingga ke tahap ini berlaku begitu pantas," kata Dr Abubakr.

Beliau berkata, Yemen tidak meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan pada masa sama sudah menyusun semula ekonomi, politik dan perkhidmatan awam negara.

Menyedari pembangunan dipengaruhi secara nyata oleh kemajuan pendidikan, Yemen memilih Malaysia untuk dijadikan tempat terbaik menghantar anggota fakulti belajar bagi ijazah lanjutan daripada menghantar mereka ke Barat.

"Kita juga merasakan boleh dilakukan pertukaran fakulti bagi kedua-dua negara dalam bidang tertentu. Kita bertukar-tukar dalam hal pelajaran, kakitangan profesional dan pengurusan kanan ke Malaysia," katanya.

Ketika ini, 45 pelajar Yemen mengikuti ijazah lanjutan di Universiti Malaya selain pelajar bagi kursus jangka pendek di Intan. Pada masa sama, 75 pelajar Malaysia ada di Universiti Al-Iman dan Al-Ahkaf.

Pertemuan dengan Dr Abubakr turut menjurus kepada keupayaan negara Islam untuk berhadapan dengan globalisasi.

"Adakah kita semakin lemah? Saya tidak fikir kita akan semakin lemah. Kita kena hadapi cabaran itu. Untuk memastikan berjaya menghadapi cabaran itu, kita kena ada satu pendekatan yang satu. Kita juga kena faham apa itu WTO dan kenapa ada dalam WTO dan kita menangani globalisasi. Kita tidak

boleh lari daripada mereka.

"Saya yakin jika negara Arab dan Islam dapat mewujudkan ekonominya yang kukuh dan bebas daripada menjadi ekonomi yang bergantung kepada orang lain, kita tidak akan menjadi lemah, malah kita akan semakin kuat.

"Masih ada terlalu banyak peluang bagi negara Islam dan Arab serta semua negara membangun bukan saja Islam dan Arab.

"Kelemahan itu pula perlu dipecah-pecahkan dan memerlukan pendekatan komprehensif untuk menangani perubahan antarabangsa.

"Kita tidak boleh bersatu jika kita ada perbezaan. Kita tidak boleh selesaikan perbezaan kecuali kita jujur dan telus," katanya.

(END)